

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SYED IBRAHIM SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah yang diambil Kementerian bagi membangunkan liputan dan kesalinghubungan yang lebih efektif, meluas dan menyentuh semua golongan masyarakat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak Kerajaan telah melaksanakan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan pinggir bandar dan luar bandar di seluruh negara. Lebih daripada 636 ribu sambungan telah tersedia melibatkan penaiktarafan 584 ibu sawat di seluruh negara, manakala sebanyak lebih 34 ribu sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap secara berperingkat pada tahun 2020.
2. Pihak Kerajaan juga turut melaksanakan inisiatif penyediaan perkhidmatan selular awam yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan alat pemancar komunikasi di menara komunikasi sedia ada di seluruh negara. Sehingga kini sebanyak 2,332 menara komunikasi baharu telah siap dibina manakala 803 menara masih dalam peringkat pelaksanaan di seluruh negara.
3. Selain itu, sebanyak 5,332 alat pemancar komunikasi di menara komunikasi sedia ada telah dinaiktaraf kepada perkhidmatan 3G dan 4G manakala 24 alat pemancar komunikasi masih dalam peringkat pelaksanaan di seluruh negara.
4. Di samping itu, bagi tahun 2020, sebanyak 102,384 premis talian tetap telah dinaik taraf kepada rangkaian gentian optik manakala bagi rangkaian mudah alih pula, 3,098 alat pemancar komunikasi telah dinaik taraf secara komersial oleh pemberi perkhidmatan.
5. Pelaksanaan kesemua inisiatif ini telah menyumbang kepada peningkatan kepada liputan jalur lebar mudah alih di kawasan berpenduduk di seluruh negara, iaitu 95.32% bagi liputan 3G dan 88.96% bagi liputan 4G/LTE, setakat suku pertama 2020.
6. Pada masa ini, Kementerian sedang mengadakan sesi perbincangan bersama pihak industri untuk memantapkan kualiti dan liputan perkhidmatan di seluruh negara.